

- Kita hendaklah sedar bahawa China Komunis sentiasa bercita-cita hendak menakluk seluruh Asia – Tengku.

\*

Tinggalkanlah hal-hal agama itu dan kita tumpukan perhatian kepada hal-hal politik dan masyarakat – Tengku.

\*

Sekarang kita adakan kelas hafaz Qur'an di bawah kelolaan Tuan Haji Nur. Sekiranya musuh datang membakar al-Qur'an dalam negeri ini besok kita boleh adakan sebuah Qur'an. Malangnya PAS tidak nampak hal-hal seperti ini tetapi sibuk mahu mengkafirkan orang-orang UMNO. – Tengku.

\*

Dasar Perikatan telah membawa kepada kesenangan rakyat dan kejayaan serta kemakmuran pada negara – Tengku Abdul Rahman.

\*

Pemimpin yang tidak mendatangkan kemajuan adalah bermegah kerana perutnya berisi sedang rakyat perutnya kosong inikah pemimpin yang jujur? – Tengku Abdul Rahman.

\*

Kalau tidak angin bertiup masakan pokok bergoyang. – Pepatah

\*

Islam itu ertinya tunduk yakni kepada undang-undang Tuhan atau undang-undang alam – Takrif Kasim Ahmad tentang Islam.

\*

Takrif Islam ialah “menyerah

tunduk serta mematuhi dengan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad (S.A.W) dan membuat kewajipan-kewajipan serta meninggalkan larangan-larangan.” – Hasan Soleh.

\*

Tunduk kepada undang-undang alam itu tidak melambangkan definisi Islam – Hasan Soleh

\*

Islam mahukan alam ini tunduk kepada undang-undang Allah yang adil dan mempunyai kesempurnaan yang mutlak – Hasan Soleh

\*

Kalau orang-orang Islam yang asalnya Islam telah mengubah agamanya atau menafikan kekuasaan Allah yang mutlak maka dia dikenakan hukuman yang sangat berat – Hasan Soleh

\*

## Cabutan

\*

Tidaklah saya bertujuan mengkritik sesiapa kerana pembahas-pembahas di dalam perbincangan yang dilakukan adalah rakan-rakan saya yang sangat karib dan sahabat-sahabat yang sangat saya hormati – Soleh.

\*

Katakanlah yang hak itu sekalipun ia pahit – Hadith.

\*

Saya tidak membuat sesuatu perkara atau mengambil sesuatu keputusan lebih-lebih lagi yang mengenai negara **melainkan setelah mendapat pertunjuk** dari Allah – Tengku.

Walaupun negeri kita sebuah negeri Islam dengan sifat keadilan, tetapi kita seharusnya bertimbang rasa pula kepada bangsa-bangsa lain yang bukan beragama Islam – Tengku

\*

~~Pemimpin-pemimpin tengah negara~~ pada zahirnya Islam tetapi tidak mengamalkannya – Tengku.

\*

**Sebagai seorang Islam, saya sendiri berpegang teguh kepada ajaran-ajaran agama kita** – Tengku.

\*

Tidak lain perkataan orang-orang Mukminin apabila mereka diajak kepada jalan Allah dan rasul-Nya buat menghukum di antara mereka melainkan mereka berkata: ‘Kami dengar dan kami taat,’ dan mereka itulah orang-orang yang dapat kemenangan – Maksud al-Qur'an.

\*

Dan barang siapa taat kepada Allah dan rasul-Nya, dan takut kepada Allah, dan menjauhi larangan-Nya, maka mereka itu ialah orang-orang yang dapat kemenangan – Maksud al-Qur'an.

\*

Tertubuhnya askar tetap wanita bererti selangkah lagi bidang kemajuan kaum wanita di negara kita – Kata seorang wakil Persidangan Kaum Ibu UMNO.

\*

Islam tidak menyekat kemajuan yang tidak bertentangan dengannya – Keputusan Kongres Kemajuan Islam.